

## BILANGAN 01 PADA PENDAPAT SAYA

Saudara Musa,

Memang benar “Pada” sebagai Kata Sendi berfungsi untuk menandai hubungan tempat dan waktu.

Ayat Contoh:

- 1 Mangsa banjir itu berpaut **pada** dahan pokok.
- 2 **Pada** ketika itu, saya menelaah pelajaran.
- 3 Abang saya mula bekerja **pada** hari esok.

Namun, Kata Sendi “Pada” juga boleh digunakan untuk manusia dan benda.


- 4 Peti pusaka itu ada **pada** ibu.
- 5 Kaya telur itu disapukan **pada** roti itu.

Penggunaan “pada” dalam “pada pendapat saya” yang merujuk ungkapan juga diterima pakai (rujuk Tatabahasa Dewan, hal 262):

- 6 **Pada** pendapat saya, siri drama itu tidak menarik.

Begitu juga dengan kalimat contoh berikut:

- 7 **Pada** pendapat awak, bagaimanakah kejadian itu boleh berlaku?
- 8 **Pada** saya, perkara itu tahyul belaka.
- 9 Semuanya karut dan mustahil **pada** pandangan saya.



Saya pernah membaca dari sebuah buku yang kita seharusnya menggunakan 'menurut pendapat saya' daripada 'pada pendapat saya'. Saya maklumi yang 'pada' ialah Kata Depan. Oleh itu, 'pada' tidak sesuai digunakan dalam bentuk soalan.

Satu lagi perkara yang saya perhatikan ialah penggunaan 'pada pendapat saya' sering digunakan di kertas peperiksaan PSLE.

Musa.